



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bilangan 5 Tahun 2019

PINDAAN SYARAT KENAIKAN PANGKAT PENSYARAH GRED 45/46 KE JAWATAN PENSYARAH KANAN GRED 52

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf berkenaan pindaan syarat kenaikan pangkat Pensyarah Gred 45/46 ke jawatan Pensyarah Kanan Gred 52 telah diluluskan pemakaiannya melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti ke 168 pada 11 April 2019.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Cadangan penambahbaikan Garis Panduan Kenaikan Pangkat Akademik telah dibentangkan di dalam mesyuarat Majlis Sumber Manusia Ke 6 Tahun 2016 bertarikh pada 24 Ogos 2016 dan telah diperakukan untuk dibawa kepada Lembaga Pengarah Universiti untuk kelulusan tarikh pelaksanaan.
- 2.2 Lembaga Pengarah Universiti melalui mesyuarat LPU Ke 154 bertarikh pada 20 September 2016 telah membuat keputusan bersetuju dengan cadangan Penambahbaikan Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Akademik UiTM berkuatkuasa pada 1 Januari 2017.
- 2.3 Walaubagaimanapun, Majlis Sumber Manusia melalui mesyuarat MSM Ke 12 bertarikh 14 Februari 2017 telah memperakukan cadangan Penangguhan Tarikh Kuatkuasa Garis Panduan Kenaikan Pangkat Akademik UiTM yang telah dikemukakan oleh Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MiTASA) sehingga ke tarikh yang akan dimaklumkan kelak.
- 2.4 Majlis Sumber Manusia melalui mesyuarat MSM ke 21 bertarikh 26 Disember 2017 telah berkeputusan untuk melaksanakan penggunaan garis panduan kenaikan pangkat staf akademik UiTM yang baharu berkuatkuasa pada 1 Julai 2018.

- 2.5 Lembaga Pengarah Universiti melalui mesyuarat LPU ke 165 bertarikh 18 September 2018 bersetuju untuk menangguhkan pemakaian kriteria Kenaikan Pangkat ke Gred 52 dalam Pekeliling Akademik Bilangan 4 tahun 2018 sehingga kriteria baharu dibawa semula kepada LPU.
- 2.6 Majlis Sumber Manusia melalui mesyuarat MSM ke 34 pada 14 Mac 2019 bersetuju dengan cadangan pindaan kriteria kenaikan pangkat Pensyarah Gred 45/46 ke jawatan Pensyarah Kanan Gred 52. Cadangan ini diangkat ke Lembaga Pengarah Universiti untuk diluluskan.
- 2.7 Lembaga Pengarah Universiti melalui mesyuarat LPU ke 168 pada 11 April 2019 telah meluluskan cadangan pindaan syarat kenaikan pangkat Pensyarah Gred 45/46 ke jawatan Pensyarah Kanan Gred 52 berkuatkuasa pada 11 April 2019.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Pensyarah Gred 45/46 layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan Gred 52 apabila:
 - i) Mempunyai kelayakan PhD/ DBA/ Sarjana Profesional (Perubatan/ Pergigian) atau setara* **ATAU**
 - ii) Kelayakan Profesional yang diktiraf **ATAU**
 - iii) Memenuhi tempoh perkhidmatan 10 tahun berserta dengan kesetaraan* PhD seperti jadual dalam Lampiran 1 **ATAU**
 - iv) Memenuhi perkhidmatan selama 20 tahun; **DAN**
 - v) Memperolehi LNPT minima 80% bagi tempoh tiga (3) tahun terkini atau minima 50% bagi staf cuti belajar:
 - vi) Lain-lain syarat Am Kenaikan Pangkat
- 3.2 Dokumen permohonan lengkap yang diterima oleh Jawatankuasa Kesepakatan Fakulti / Cawangan sebelum 11 April 2019 tidak tertakluk kepada penggunaan kriteria yang baharu.

- 3.3 | Kerjasama YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan amat diharapkan untuk memaklumkan perkara ini kepada semua pensyarah di bawah seliaan masing - masing.

4.0 PEMBATALAN


Dengan berkuatkuasanya pekeliling akademik ini, Pekeliling Akademik Bilangan 10 Tahun 2013 – Penambahbaikan Syarat Tempoh Perkhidmatan Kenaikan Pangkat ke Gred 52 Di Jawatan Pensyarah Kanan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Kriteria Kenaikan Pangkat ke Gred 52 dalam Pekeliling Akademik Bilangan 4 Tahun 2018 – Penambahbaikan Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Akademik Universiti Teknologi MARA (UiTM) adalah dibatalkan.

5.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 31 Mei 2019.

6.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa 11 April 2019.



PROFESOR Ts. DR. HJ. MOHAMAD KAMAL HJ. HARUN, FASc
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit

Semua Dekan-Dekan Fakulti

Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri

Bil. Fail : 100-HEA(6/4)

Tarikh : 14 Jun 2019

LAMPIRAN 1

Kesetaraan yang dicadangkan adalah berdasarkan hasil yang **BERKAITAN DENGAN BIDANG KEPAKARAN** yang setara dengan hasil pengajian peringkat PhD dan boleh dicapai dalam tempoh masa 3 atau 4 tahun (purata). Ini termasuk hasil yang mempunyai perkaitan dengan pengaplikasian bidang dalam pengajaran secara khusus dan pendidikan tinggi secara amnya.

		JUMLAH MINIMA UNTUK MENDAPAT KESETARAAN = 100		
Elemen PhD/ Kedoktoran	Kesetaraan	Pengukuran	Markah	
Kepakaran bidang (<i>Contribution to knowledge</i>)	Telah mendapat pengiktirafan badan profesional yang diiktiraf	- Keahlian bidang profesional daripada badan yang diiktiraf dan yang mempengaruhi perkembangan profesion tersebut di dalam dan luar negara (Ir., Sr.)	- 100	
	Telah mempamerkan kepakaran dalam satu bidang akademik atau satu cabang akademik	- Keahlian tertinggi dalam persatuan yang berkaitan dengan bidang kepakaran - Pakar rujuk dalam satu cabang bidang atau cabang yang berkaitan dengan bidang kepakaran	- 5 markah setiap satu - 5 markah setiap satu	- Max 15

<p>Pengenalpastian masalah atau permasalahan Mengkaji bukti Menganalisis dan sintesis <i>Problem identification Evidence based Analysis and Synthesis Publishing findings</i></p>	<p>Menjalankan <u>penyelidikan bidang</u> melalui perolehan geran universiti, swasta, nasional atau antarabangsa dan menyempurnakannya melalui pembentangan konferens dan penulisan jurnal atau projek sampingan (spin-off)</p>	<p>Sebagai Penyelidik utama atau penyelidik</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Geran universiti 2. Geran nasional 3. Geran antarabangsa 	<ul style="list-style-type: none"> - 15 markah setiap satu - 30 markah setiap satu - 45 markah setiap satu 	<p>- Max 60</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Semua penyelidikan mesti disekalikan dengan penerbitan /penulisan polisi yang berkenaan 	<p>Menjalankan <u>penyelidikan institusi</u> yang signifikan dengan dapatan yang digunakan di peringkat kampus, UiTM atau nasional.</p>	<p>Sebagai Penyelidik utama atau penyelidik</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Berdaftar dengan IRMI dan mendapat peruntukan daripada fakulti, kampus atau mana-mana Pejabat Timbalan Naib Canselor 2. Disertakan dengan penulisan laporan yang lengkap 3. Pelaporan dibuat di peringkat institusi (Pengurusan kampus / Majlis Eksekutif Universiti) atau peringkat nasional) 	<ul style="list-style-type: none"> - 20 markah setiap satu 	<p>- Max 60</p>

<p>Semua penyelidikan mesti disekalikan dengan penerbitan /penulisan polisi yang berkenaan</p>	<p>Menjalankan <u>Kajian Tindakan</u> atau <u>Design Based Research</u> yang mengkaji masalah pembelajaran , meneliti data pelajar dan mengemukakan intervensi /solusi/inovasi dalam bentuk proses atau produk seperti bahan berasaskan teknologi/ model pengajaran dsb.nya</p> <ul style="list-style-type: none"> - Terbukti keberkesanan dan nilai inovasi melalui penilaian pelajar dan boleh diadaptasi dalam konteks P& Pyang serupa 	<p>Sebagai Penyelidik utama</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Berdaftar dengan IRMi dan mendapat peruntukan daripada fakulti, kampus atau pembiayaan sendiri 2. Pelaporan dibuat di peringkat institusi (Pengurusan kampus / Majlis Eksekutif Universiti) atau peringkat nasional 3. Penyertaan pertandingan inovasi 	<p>- 20 markah setiap satu</p>	<p>- Max 60</p>
	<p>Menjalankan <u>projek atau inisiatif di industri/komuniti</u> yang melalui sumbangan penuh/separa industri/komuniti serta menyempurnakannya dengan hasil yang dimanfaatkan oleh industri atau komuniti terlibat</p>	<p>Sebagai Ketua atau Ahli</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mendapat geran universiti 2. Mendapat geran nasional seperti geran KTP (Knowledge Transfer Program) 3. Mendapat geran industri atau kementerian yang berkaitan 4. Menyempurnakan projek/inisiatif tanpa geran formal dengan bukti transformasi / pemindahan ilmu 	<p>- 20 markah setiap satu</p>	<p>- Max 40</p>

<p>Kesarjanaan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengutarakan pendapat yang bernas atau idea yang baru - Mengolah dan menyampaikan idea dengan baik 	<p>Penulisan ilmiah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penulisan buku, bab dalam buku, jurnal atau makalah yang tertumpu kepada satu bidang atau cabang kepakaran akademik 	<p>Penulis utama</p> <p>Buku ilmiah yang diterbitkan oleh Penerbit berwibawa</p> <p>Bab dalam buku ilmiah yang diterbitkan oleh Penerbit berwibawa</p> <p>Artikel dalam jurnal berindeks</p> <p>Kertas kerja yang diterbitkan dalam prosiding konferens berindeks</p>	<ul style="list-style-type: none"> - 30 markah setiap satu - 10 markah setiap satu - 10 markah setiap satu - 20 markah setiap satu penulisan dalam jurnal scopus/ERA/WOS - 5 markah setiap satu 	<ul style="list-style-type: none"> - Max 50
	<p>Pembangunan dan penulisan kajian kes yang boleh digunakan untuk P&P dan/atau membuat keputusan (decision making) di peringkat PTJ, kampus atau universiti</p>	<p>Penulis atau penulis bersama kajian kes yang disertakan dengan cadangan penambahbaikan</p> <p>Digunakan sebagai bahan P&P (pengesahan oleh <i>resource person</i>)</p> <p>atau</p> <p>Digunakan sebagai bahan kursus/bengkel dan program berkaitan di peringkat universiti, nasional dan antarabangsa</p>	<ul style="list-style-type: none"> - 15 setiap kes 	<ul style="list-style-type: none"> - Max 30

	Penulisan kertas teknikal atau polisi yang digunakan oleh institusi, industri atau kementerian	Penulis utama atau penulis bersama	- 15 markah setiap satu	- Max 30
	Kolumnis atau penulisan berkala didada akhbar atau majalah ilmiah /professional	Penulis utama Minimum 5 penulisan berkala	- 10 setiap satu	- Max 60
	Penulisan kreatif yang bersangkutan paut dengan bidang (Bahasa, Seni, Komunikasi Massa dsb) dan diterbitkan di dalam akhbar atau majalah ilmiah /professional	Penulis utama Minimum 5 penulisan berkala	- 10 setiap satu	- Max 60
Pengurusan penyelidikan <i>Management of research processes and resources</i>	Pengalaman penyeliaan yang berjaya di peringkat Sarjana	Minimum dua (2) penyeliaan yang berjaya di peringkat Sarjana Penyelidikan atau Sepuluh (10) penyeliaan projek Sarjana Kerja Kursus	- 15 setiap satu - 3 setiap satu	- Max 30
	Kepakaran dalam metodologi penyelidikan	Jemputan sebagai pakar/ trainer metodologi penyelidikan termasuk penganalisan (SPSS, PLS, NVivo, Atlas TI dsb)	- 10 setiap satu	- Max 20

<p>Pengembangan ilmu untuk mengupaya masyarakat</p>	<p>Penggerak projek komuniti (akademik dan/atau masyarakat setempat) yang berpaksikan SDG (Sustainable Development Goals) seperti <i>Quality Education, Gender Equity dsb.</i></p> <p>Penulisan garis panduan atau polisi</p>	<p>Melaksanakan satu projek komuniti yang berimpak (Tempoh minima projek 3 bulan)</p> <p>Membangunkan garis panduan untuk pembangunan komuniti</p>	<p>- 15 setiap satu</p> <p>- 15 setiap satu</p>	<p>- Max 30</p>
---	---	--	---	-----------------